

UCAPAN DASAR KERAJAAN

OLEH

**TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TUN DATUK SERI PANGLIMA
(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN**

**BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMBUKAAN
PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
YANG KEENAM BELAS**

PADA 22 MEI 2023

Bismillahir Rahmaanir Rahiim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, maka dapatlah kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini sempena Pembukaan Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Keenam Belas.

2. Tarikh 25 September 1963 merupakan tarikh bersejarah di mana Sabah telah mengadakan pilihanraya negeri (first state election). Ini bermakna, pada tahun ini genaplah 60 tahun Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah bersidang di bawah sebuah negeri yang merdeka. Dengan itu, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-60 Dewan Undangan Negeri Sabah kepada semua Ahli Yang Berhormat, juga kepada Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Speaker dan seluruh warga

kerja Pejabat DUN Sabah. Semoga Dewan Undangan Negeri Sabah terus maju dengan cemerlang dalam memikul peranan dan tanggungjawabnya demi kemajuan, kemakmuran dan kedaulatan negeri Sabah yang tercinta.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

3. Tahun 2023 merupakan tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12). Pada tahun ini juga, Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025 (Pelan Pembangunan SMJ) sudah memasuki tahun kedua pelaksanaannya. Syukur Alhamdulillah, pelaksanaan pelbagai inisiatif berimpak tinggi di bawah Pelan Pembangunan SMJ mula membuahkan hasil dan negeri Sabah telah melakar pelbagai pencapaian membanggakan yang tercermin melalui peningkatan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat negeri ini dalam tempoh tersebut.

4. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan Kabinet Negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, atas usaha gigih dan iltizam kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi negeri Sabah pasca COVID-19. Ekonomi negeri ini telah mencatatkan pertumbuhan positif pada kadar 1.1 peratus pada tahun 2021 berbanding penguncupan 9.2 peratus pada tahun sebelumnya. Meskipun persekitaran ekonomi global sangat mencabar dan masih tidak menentu, namun saya yakin pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah dirancang secara strategik di bawah Pelan Pembangunan SMJ dan RMK12 berupaya untuk mendorong negeri Sabah meneruskan momentum pertumbuhan positif pada kadar yang lebih baik pada tahun ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Pembukaan semula pintu-pintu masuk sempadan negara telah memberi impak positif dan menggalakkan pemulihan sektor pelancongan negeri Sabah. Pada tahun 2022, jumlah ketibaan pelancong ke negeri Sabah mencecah 1.73 juta orang berbanding hanya 371,187 orang yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Ketibaan pelancong antarabangsa dari negara Singapura, Brunei Darussalam, United Kingdom, Perancis dan Belanda telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri menjangkakan ketibaan seramai 2.2 juta orang pelancong ke Sabah yang dijangka berupaya menjana pendapatan sebanyak RM4.1 bilion. Justeru, bagi mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri komited untuk merencanakan lagi pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program pelancongan yang inklusif terutama promosi pelancongan dan pengembangan jaringan rangkaian udara ke arah menjadikan Sabah sebagai destinasi pelancongan paling menarik di Malaysia, sama ada untuk para pelancong domestik atau lebih-lebih lagi untuk para pelancong dari luar negara.

6. Usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah alam semula jadi yang merupakan salah satu aset pelancongan penting dalam memajukan sektor ekopelancongan negeri Sabah akan terus diberi tumpuan. Langkah ini bagi memastikan kekayaan sumber khazanah alam semula jadi, termasuk kepelbagaian biodiversiti negeri ini akan sentiasa terpelihara supaya dapat diwarisi oleh generasi akan datang serta dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk menjana ekonomi negeri melalui pembangunan lebih banyak produk-produk ekopelancongan, terutama yang bertaraf premium. Pada masa yang sama, fasiliti-fasiliti pelancongan di kawasan-kawasan tumpuan para pelancong, termasuk di

bawah Taman-Taman Sabah dan Jabatan Hidupan Liar, akan terus ditambah baik.

7. Pelaksanaan pelbagai program untuk memartabatkan khazanah budaya pelbagai kaum dan etnik di negeri ini juga akan terus diperkasa. Sehubungan itu, pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan menganjurkan beberapa program yang berkaitan termasuk *Museum and Cultural Festival 2023* bagi memperkenalkan dan mempromosikan kepelbagaian dan keunikan khazanah budaya serta kreativiti etnik negeri Sabah. Inisiatif pendigitalan juga kini giat dijalankan bagi memantapkan pengurusan kebudayaan di negeri ini. Terkini, inisiatif Pengembangan Seni Budaya Dan Perlindungan Harta Intelek Budaya telah dilaksanakan dan didokumentasikan dalam bentuk digital.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Dalam sektor pertanian, khususnya bagi subsektor tanaman, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan Program Pembangunan Komoditi Tanaman bagi meningkatkan lagi hasil tanaman negeri ini. Antara yang akan menjadi keutamaan pada tahun ini adalah penanaman buah-buahan seperti durian musang king, nanas MD2, avokado, pisang sabah dan mangga chokanan, sayur-sayuran, tanaman singkat masa seperti jagung manis, halia dan keladi serta tanaman industri, khususnya kopi dan kelapa. Sebagai pemangkin kepada usaha ini, Kerajaan Negeri telah membangunkan enam buah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan enam buah mini TKPM yang menekankan kepada aktiviti pertanian berskala besar, penggunaan teknologi terkini serta pengeluaran produk berproduktiviti dan berkualiti tinggi yang mana selari dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Sabah sebagai hab makanan serantau. Bagi memperkukuh jaminan bekalan beras, seluas 1,600 hektar tanah di Terusan Sapi, dalam

daerah Beluran telah diperuntukkan untuk penanaman padi. Penekanan juga akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman yang berkualiti dalam tempoh masa yang singkat dan rintang penyakit melalui Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berinovasi tinggi. Di samping itu, Skim Pengesahan Bahan Tanaman juga dilaksanakan bagi menjamin ketulenan bahan tanaman.

9. Bagi merangsang pembangunan industri getah di negeri ini, Kerajaan Negeri komited untuk memperluas kawasan tanaman getah dan meneruskan kerja penyelenggaraan ladang getah bagi kawasan yang telah dibangunkan dari tahun 2018 hingga 2022. Manakala bagi meningkatkan pendapatan para pekebun kecil getah, Kerajaan Negeri akan meneruskan program pembangunan keusahawanan seperti program Aktiviti Ekonomi Tambahan.

10. Kerajaan Negeri komited untuk terus membangunkan industri ternakan ruminan. Tumpuan akan diberikan kepada sektor pengeluaran makanan berasaskan ternakan dengan menekankan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR) bagi pengeluaran daging ruminan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import. Untuk itu pada tahun ini, fokus pembangunan bagi subsektor ini lebih tertumpu kepada pemerksaan industri ternakan ruminan. Pelaksanaan Projek Integrasi Ternakan di Bawah Kelapa Sawit (PINTAR) dan Projek Pembangunan Usahawan Kambing akan diteruskan dan dijangka akan mendatangkan impak yang besar kepada output industri ternakan negeri Sabah. Kerajaan Negeri juga akan terus mempertingkatkan usaha untuk mengawal, mencegah dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik merbahaya.

11. Dalam subsektor perikanan, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin sumber bekalan perikanan

yang mencukupi di negeri ini. Antaranya merangkumi inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan sumber perikanan laut dan sungai, aktiviti akuakultur komersial dan penerokaan laut dalam, menarik lebih banyak pelaburan dalam industri perikanan, memperkasa modal insan, memperhebat penguatkuasaan, memperkukuh kolaborasi penyelidikan bersasar dan mempergiat program konservasi termasuk projek tagal dan tukun tiruan. Kerajaan Negeri akan meneruskan Program Peningkatan Pendapatan Kumpulan Sasar untuk membantu golongan nelayan artisanal serta usahawan kecil hiliran perikanan dan akuakultur. Di bawah Program Pembangunan Modal Insan dan Usahawan, Kerajaan Negeri juga melaksanakan kursus-kursus *up-skilling* dan *re-skilling* serta latihan kemahiran *Technical, Vocational, Educational and Training* (TVET) bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikendalikan oleh Pusat Latihan Akuakultur KO-NELAYAN (KATC) dan Latihan Pembangunan Nelayan melibatkan belia-belia di Sabah. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri menerusi Projek Pengeluaran Benih Ikan Marin (SENTS) akan membekalkan benih sebanyak 60,000 ekor kepada pengusaha akuakultur. Kerajaan Negeri melalui Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA) juga sedang membina dua buah jeti di Kompleks SAFMA, Kota Kinabalu; sebuah untuk pendaratan dan sebuah lagi untuk bekalan diesel dan air. Jeti-jeti ini dijangka dapat menampung dua kali ganda keupayaan fasiliti sedia ada bagi memperkukuhkan lagi jaringan infrastruktur perikanan.

12. Program perladangan kontrak seperti Projek Penternakan Ayam Daging, Projek Ayam Kampung, Projek Cendawan, Projek Penternakan Lebah Madu dan Projek Penanaman Pamelon yang sedang dilaksanakan pada masa ini untuk membantu golongan miskin di kawasan luar bandar juga akan terus diberi tumpuan. Dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran dan mengembangkan hasil pertanian, sebanyak lima daripada enam pusat hasil tani yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri,

khususnya bagi membantu petani tempatan untuk memasarkan hasil-hasil ladang mereka, telahpun beroperasi. Dalam aspek peningkatan kualiti dan keselamatan makanan serta meningkatkan daya saing hasil pertanian di pasaran antarabangsa, Kerajaan Negeri turut menjalankan pensijilan bagi hasil-hasil pertanian termasuk pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practice* (My-GAP), *Malaysian Organic* (myOrganic) dan *Fish Quality Certificate* (FQC).

13. Pengurusan kawasan tadahan air akan terus diperkasa bagi mengekalkan kawasan-kawasan tadahan air di negeri ini bukan sahaja untuk menjamin bekalan air tetapi juga bagi mengawal punca berlakunya banjir. Di samping itu, pembangunan dan penempatan di kawasan-kawasan semulajadi, rizab sungai dan kawasan rendah yang kerap dilanda banjir akan dielakkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

14. Dalam sektor perindustrian, fokus utama pembangunan Kerajaan Negeri adalah untuk melaksanakan pelbagai program dan projek perindustrian berimpak tinggi. Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk merencanakan aktiviti-aktiviti aliran bernilai tinggi agar dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Di samping itu, untuk menarik lebih banyak pelaburan berimpak tinggi, Kerajaan Negeri akan menambah baik kemudahan infrastruktur serta menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelabur di taman-taman perindustrian sedia ada.

15. Menyentuh tentang perkembangan positif sektor perindustrian dalam negeri, penghargaan dan ucapan syabas harus diberikan kepada Kerajaan Negeri pimpinan YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, atas usaha gigih dan inisiatif bagi menarik para pelabur ke negeri

ini. Diharapkan ekonomi negeri akan terus berkembang pesat demi kebaikan dan manfaat seluruh rakyat. Nilai pelaburan yang diterima oleh negeri Sabah dalam sektor pembuatan bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM8.49 bilion berbanding RM4.48 bilion pada tahun sebelumnya, iaitu dengan peningkatan hampir 90 peratus.

16. Bagi inisiatif-inisiatif utama yang merupakan *flagship projects* di bawah Pelan Pembangunan SMJ, setakat bulan Mac 2023, status kemajuan pembinaan kilang kerajang tembaga oleh syarikat SK Nexilis Malaysia Sdn. Bhd. di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) adalah pada kadar 72.3 peratus. Manakala, status kemajuan pembinaan kilang pembuatan kaca solar di KKIP dan kilang pemprosesan pasir silika di Sikuati, Kudat oleh Syarikat SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd. pula masing-masing pada kadar 27 peratus dan 35 peratus. Kilang-kilang ini dijangka akan mula beroperasi pada suku keempat tahun 2023. Prestasi dan pencapaian projek-projek ini menunjukkan bahawa strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan berimpak tinggi telah memberikan kesan positif kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi khususnya sektor pembuatan negeri Sabah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

17. Pembangunan infrastruktur dan utiliti memainkan peranan penting sebagai pemboleh daya efektif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negeri dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Justeru, Kerajaan Negeri akan memastikan pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk menambah baik kemudahan infrastruktur dan utiliti termasuk jalan raya, bekalan air dan elektrik, pembedungan, pelabuhan dan dermaga serta pengangkutan awam, akan diperhebatkan termasuk menyegerakan pelaksanaan Projek

Lebu Raya Pan Borneo dan Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar.

18. Selain itu, Kerajaan Negeri akan memperkukuh perancangan inisiatif pemasangan kemudahan internet teknologi satelit (VSAT) di 300 lokasi yang dikenal pasti pada tahun ini bagi memastikan negeri Sabah mencapai 100 peratus kesalinghubungan internet menjelang tahun 2024 yang dijangka akan memberi manfaat kepada penduduk di kawasan pedalaman. Pelaksanaan program Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang melibatkan pembinaan baharu, menaik taraf dan menambah capaian jaringan *fibre optic* juga akan diperkasa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

19. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan dan pembudayaan bidang Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik (STEM). Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan termasuk penganjuran program STEM dan pembinaan Pusat Sains Keningau berkonsep asas sains dan dilengkapi dengan pengisian teknologi terkini yang dijangka siap pada tahun 2024. Bagi mempergiat pembudayaan dan pengaplikasian sains, teknologi dan inovasi (STI) di peringkat akar umbi, Kerajaan Negeri dengan bantuan Majlis Pembangunan Teknologi dan Inovasi Sabah (MaPTIS) akan melaksanakan beberapa program baharu seperti Program Jelajah SMJ KSTI, Majlis Anugerah Sains Sabah, Program Jelajah Astronomi Sabah dan Sabah Malaysia Techlympics 2023. Dalam pada itu, Digital Internet Of Thing (IoT) Sandbox yang pertama di Borneo telahpun beroperasi sepenuhnya di Kota Kinabalu, bertujuan untuk menggalakkan masyarakat berdaya kreatif atau berinovasi, di samping meningkatkan pengkomersialan hasil inovasi tempatan. Sebagai tambahan, Kerajaan

Negeri akan meneruskan program inovasi masyarakat luar bandar melalui Program di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) dan Pusat e-Desa.

20. Kerajaan Negeri merancang untuk menubuhkan Pusat Sains dan Inovasi di setiap zon. Projek yang sedang dalam proses untuk pelaksanaannya ini merangkumi pembinaan Pusat Sains dan *Maker Space* di Perpustakaan Negeri cawangan Sandakan dan Tawau. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan mewujudkan lebih banyak perpustakaan di negeri ini yang dilengkapi dengan bahan bacaan dan sumber-sumber rujukan terkini berkaitan STI.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

21. Human Capital Development Blue Print for Sabah (2021-2035) telah disediakan bagi memastikan sukatan pelajaran, ilmu kemahiran dan kepakaran belia serta modal insan, sentiasa kekal relevan di samping menjadi garis panduan bagi program pembangunan modal insan secara holistik di negeri ini. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan program latihan kemahiran termasuk TVET yang relevan dengan keperluan industri semasa dan menambah baik kemudahan dan alat bantuan latihan di institut-institut latihan di bawah agensi-agensi kerajaan di negeri ini. Program *Sabah Talent Entrepreneurship Program*, *Social Enterprise Summit*, *Borneo Tech Summit*, *Pitch Borneo* dan Latihan Keusahawanan berkonsepkan ekonomi *gig* juga akan diteruskan bagi memperkasa kemahiran modal insan terutama dalam bidang keusahawanan dengan pembudayaan inovasi ekonomi digital.

22. Saya menyambut baik usaha-usaha pendigitalan terutama pemantapan pengupayaan digital dalam perkhidmatan awam bagi memperkasa sistem penyampaian Kerajaan Negeri yang akan dilaksanakan di bawah RMK12. Antara usaha tersebut meliputi usaha

menaik taraf sistem dan aplikasi berkaitan penyampaian Kerajaan Negeri termasuk dalam bidang perundangan dan menaik taraf infrastruktur penyampaian data lokasi bersekutu di Tawau dan Sandakan. Di samping itu, Program Data Fest, Seminar Kesedaran Jenayah Siber dan pelbagai seminar berkaitan ICT bagi meningkatkan pengetahuan penjawat awam juga akan dilaksanakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

23. Kerajaan Negeri komited meneruskan usaha untuk memastikan kawasan terlindung sepenuhnya (*Totally Protected Area*) di negeri ini adalah mencukupi untuk tujuan perlindungan dan peningkatan perkhidmatan alam sekitar. Ini selaras dengan usaha untuk menangani isu perubahan iklim, merealisasikan agenda teknologi hijau dan sumbangan negeri Sabah kepada komitmen negara di Persidangan ke-26 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-26). Usaha-usaha pemulihan hutan akan terus menjadi fokus pembangunan negeri Sabah seiring dengan hala tuju Kelestarian Hijau di bawah Pelan Pembangunan SMJ. Kerajaan Negeri telah merancang pelbagai inisiatif melibatkan aktiviti-aktiviti pemulihan hutan termasuk rawatan silvikultur seluas 5,000 hektar dan tanaman mengaya seluas 1,000 hektar di kawasan hutan terosot setiap tahun serta program restorasi dan pemuliharaan Hutan Simpan Bakau di persisiran pantai di Sabah.

24. Pembangunan industri perhutanan akan dipergiatkan melalui pembangunan ladang hutan selaras dengan Pelan Tindakan Pembangunan Ladang Hutan (2022 - 2036) yang akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Pembangunan sektor rekreasi hutan dan ekopelancongan akan dimantapkan lagi melalui pembinaan baharu dan menaik taraf pusat-pusat sejadi sedia ada untuk keselesaan

serta menampung keperluan pengunjung. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) air mineral dalam hutan simpan juga turut dilaksanakan. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Projek Pembangunan Pangkalan Data dan Teknologi Geospasial Sumber Hutan Sabah sebagai usaha untuk mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam pengurusan sumber hutan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi memperkasa sistem pentadbiran tanah di negeri ini agar lebih cekap dan efisien selari dengan matlamat dan hala tuju dalam Pelan Pembangunan SMJ. Pada tahun 2022, satu pangkalan data berdigit bagi utiliti-utiliti bawah tanah seperti kabel telekomunikasi, paip-paip air dan saluran pembedungan telah mula dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. Ini akan memudahkan perolehan maklumat utiliti-utiliti bawah tanah untuk tujuan perancangan dan pembangunan tanah. Selain itu, aplikasi-aplikasi atas talian seperti e-LandDev yang membolehkan urusan tukar syarat guna tanah dan perlanjutan tempoh pajakan serta e-Land Enquiry yang membolehkan permohonan penyiasatan tanah dibuat secara atas talian telah ditambah baik untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pemilik-pemilik tanah.

26. Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada pemberian tanah Anak Negeri dan pewartaan Tanah Rizab untuk Perkampungan Anak Negeri. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan pengukuran 7,531 Lot Tanah Anak Negeri dengan jumlah keluasan 16,593.20 hektar dan mewartakan 76 buah Tanah Simpanan Perkampungan Anak Negeri di bawah Seksyen 8, Ordinan Tanah Sabah seluas 1,335.47 hektar. Untuk tahun 2023, Kerajaan Negeri menyasarkan untuk mengukur sekurang-kurangnya 7,500 lot tanah Anak Negeri dengan

keluasan 15,000 hektar dan mewartakan 75 kawasan sebagai Tanah Simpanan Perkampungan Anak Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

27. Menyentuh mengenai kadar kemiskinan di Sabah pula, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengatasi dan membasminya melalui pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan. Selain daripada program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, sedang giat melaksanakan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) untuk membasmi miskin tegar dengan menggerakkan kekuatan bersepadu sektor awam, swasta dan komuniti. Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan program pembinaan Rumah Mesra Sabah Maju Jaya di semua 73 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Pembangunan SMJ untuk meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk luar bandar melalui penyediaan rumah mampu milik khususnya kepada golongan miskin tegar. Pada masa yang sama, usaha untuk meningkatkan infrastruktur dan utiliti di luar bandar akan terus diperkasa melalui program-program yang telah diperkenalkan di bawah RMK12 seperti projek-projek pembangunan bina baharu dan baik pulih jalan raya, jambatan, balai raya, sistem perparitan dan pembedungan di kawasan kampung, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA) dan Bekalan Air Luar Bandar Alternatif (BALBA).

28. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri tetap mengambil berat dan amat prihatin akan keadaan hidup seluruh rakyat, khususnya mereka yang berada dalam kategori B40. Untuk itu, pada tahun 2023 ini Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan beberapa program bantuan pendidikan di bawah Pelan Pembangunan seperti Bantuan Tunai

Pendaftaran IPT Secara *One Off* (BUDI), Bantuan Ihsan Komputer (BAIK), Bantuan PIBG (BAGUS), Bantuan Tunai Peperiksaan (BAKTI), Bantuan Ihsan Sekolah Sabah (BISBAH) yang terbukti telah memberi banyak faedah khususnya dalam mengurangkan beban kewangan golongan miskin dan B40. Sebagai tambahan, pada tahun ini juga dua lagi inisiatif bantuan pendidikan baharu akan dilaksanakan iaitu Bantuan Khas Program Pendidikan Sabah (BANTU) dan Bantuan Penyelenggaraan Kecil Sekolah (BALKIS).

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeri untuk membudayakan masyarakat prihatin dan merakyatkan perkhidmatan yang cemerlang, Kerajaan Negeri kekal komited untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pelbagai inisiatif dan program yang merupakan *flagships* di bawah Pelan Pembangunan SMJ yang telah dilaksanakan sebelum ini akan diteruskan pada tahun 2023. Antaranya, Program *Homeward* untuk menyantuni rakyat dalam kategori sakit terlantar, Program Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPKK) untuk memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan Pra-Sekolah dan Tadika serta Program Outreach Santuni Wanita dan Program JHEWanita untuk memperkasa golongan ibu tunggal dan wanita B40.

30. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan pelaksanaan projek pembinaan Kompleks Bersepadu OKU dan Warga Emas Inanam yang dijangkakan siap pada awal tahun 2025. Kerajaan Negeri juga telah membangunkan Sistem *Sabah Social Time Bank* yang memberi mata ganjaran iaitu *credit hours* untuk pertukaran dengan item-item yang ditawarkan. Ini bertujuan untuk merekod penglibatan sukarelawan sepanjang hayat dan menggalakkan penglibatan lebih ramai

sukarelawan di kalangan anggota masyarakat, agensi Kerajaan dan agensi swasta dalam melaksanakan perkhidmatan sosial. Sistem ini dijangka akan dilancarkan pada bulan Julai 2023. Sebagai tambahan, dua lagi inisiatif baharu untuk menyantuni masyarakat akan dilaksanakan iaitu Program Santuni Komuniti yang bertujuan untuk meningkatkan penghasilan dan penjualan produk oleh usahawan ibu tunggal dan wanita B40 dan Produk Pek Makanan Segera yang bertujuan untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa bencana alam yang ditempatkan di Pusat Penempatan Sementara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

31. Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada usaha untuk merancang pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam seperti pasar umum, tapak tamu, gerai, kiosk-kiosk perniagaan, tandas awam, dewan masyarakat dan taman awam di kawasan-kawasan pekan dan luar bandar. Ini bertujuan untuk menyokong pemulihan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan kemudahan kondusif dan selesa kepada pengguna dan peniaga serta peningkatan pulangan hasil kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui kutipan bayaran sewa dan lesen perniagaan. Dua projek di bawah RMK12 yang telah disiapkan ialah Pasar Umum Pekan Semporna dan Gerai Sayur Pekan Kundasang. Pada tahun ini, beberapa projek baharu akan dimulakan iaitu projek pembinaan Pasar Am Pekan Kinarut, Pasar Rakyat 2 Tingkat di Pekan Beluran dan Pasar Masyarakat Majlis Daerah Pitas serta projek menaik taraf Pasar Umum Majlis Daerah Tambunan, Tapak Tamu dan Gerai Pekan Apin-Apin Keningau dan Pasar Awam dan Gerai-Gerai di sekitar Pekan Beaufort, Membakut dan Weston.

32. Selain itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pindaan terhadap Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 dan penggubalan dan pewartaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 2022 serta melaksanakan semakan ke atas 335 undang-undang kecil untuk dikuatkuasakan oleh semua PBT. Ini bertujuan untuk menambah baik dasar dan perundangan Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

33. Adalah menjadi aspirasi Kerajaan Negeri untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti bagi memenuhi keperluan penduduk yang semakin meningkat, khususnya golongan berpendapatan rendah, setinggan dan kumpulan B40. Justeru, di bawah RMK12, Projek Perumahan Awam Mampu Milik yang akan dijual pada harga RM47,000.00 seunit akan dilaksanakan pada tahun ini melibatkan pembinaan rumah teres di Sukau, Kota Kinabatangan, Melalap, Tenom dan Beluran. Di bawah inisiatif Pelan Pembangunan SMJ pula, Kerajaan Negeri dengan kerjasama daripada sektor swasta sedang giat membina sebanyak 662 unit rumah mampu milik, masing-masing sebanyak 502 unit akan dibina di Kinarut dan sebanyak 160 unit lagi di Tuaran. Dalam hal berkaitan, Kerajaan Negeri akan membangunkan sistem baharu berkaitan perumahan iaitu Sistem Maklumat Perumahan yang dijangka akan dilancarkan pada tahun ini.

34. Sistem pengurusan sisa pepejal dan kebersihan awam yang cekap dan efektif akan terus diberikan penekanan bagi meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan awam serta kualiti alam sekitar negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan terhadap perancangan untuk membina baharu dan menaik taraf tapak-tapak pelupusan sampah serta usaha memanjangkan jangka hayat tapak-tapak pelupusan sampah berkenaan. Inisiatif untuk mengurangkan sampah juga akan diperkasa dengan penyediaan *Cabin Collector Center 3R, Food Waste Composter*

dan Pusat Lestari kepada PBT. Selaras dengan penggubalan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam 2022, Kerajaan Negeri akan menyediakan draf peraturan-peraturan kepada enakmen tersebut agar pemakaiannya dapat dikuatkuasakan tahun ini.

35. Dalam aspek perancangan pembangunan guna tanah, tumpuan akan terus diberikan dalam penyediaan Pelan Tempatan bagi membantu Kerajaan Negeri khususnya PBT untuk merangka hala tuju strategik pembangunan kawasan bandar dan luar bandar. Untuk tahun 2023, Kerajaan Negeri menasaskan pelaksanaan sebanyak empat Pelan Tempatan baharu iaitu Pelan Tempatan Kota Belud, Pelan Tempatan Tenom, Pelan Tempatan Nabawan dan Pelan Tempatan Kimanis.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

36. Selaras dengan Dasar Belia Sabah, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk memperkasa dan meningkatkan kesejahteraan golongan belia di negeri ini. Misalnya, pada tahun 2022, beberapa program latihan kemahiran jangka pendek dan panjang dalam pelbagai sektor termasuk dalam bidang perhotelan, pembinaan dan dandan rambut telah dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan ekonomi serta membuka peluang pekerjaan kepada golongan belia di seluruh negeri. Pelbagai aktiviti di bawah program kepimpinan belia, perpaduan sosial dan jaringan kerjasama juga dilaksanakan termasuk program Skim Jaya Usahawan Belia, program Dialog Bersama Pemimpin, *Super Youth* dan *Youth Leadership Unity*. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan memperluaskan pelaksanaan aktiviti *Youth Leadership Unity* di beberapa daerah termasuk Long Pasia, Sipitang dan daerah-daerah lain. Selain itu, sistem pendaftaran digital melalui *Youth Management System* juga telah dibangunkan oleh Kerajaan

Negeri untuk memperkemaskan pangkalan data dan maklumat belia di negeri ini.

37. Dalam konteks pembangunan sukan, Kerajaan Negeri akan mempergiatkan lagi usaha pembangunan atlet termasuk melaksanakan pelbagai program pencarian bakat baharu untuk diserap dalam skuad negeri dan latihan intensif atlet sebagai persediaan bagi menyertai pertandingan-pertandingan sukan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Kerajaan Negeri sedang melaksanakan pelbagai program pembinaan baharu, penaiktarafan dan penyelenggaraan kompleks sukan dan arena belia di seluruh negeri Sabah. Kerajaan Negeri turut menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan komuniti seperti padang bola sepak dan gelanggang serbaguna di kawasan-kawasan luar bandar untuk kegunaan sukan dan riadah bagi menyemarakkan budaya sukan di semua lapisan masyarakat. Beberapa inisiatif *flagships* di bawah Pelan Pembangunan SMJ akan diteruskan pada tahun ini, termasuk penganjuran Sukan Bawah 12 Tahun peringkat antarabangsa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

38. Dalam usaha untuk memperkasakan pembangunan wilayah di negeri ini, pelbagai inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan Kerajaan Negeri melalui Rangka Tindakan Koridor Pembangunan Sabah 2.0 (2021-2030). Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri melalui Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) akan mempergiat pelaksanaan beberapa projek berimpak tinggi di bawah RMK12 dan Pelan Pembangunan SMJ yang akan meningkatkan pembangunan negeri Sabah secara holistik dan inklusif. Ini merangkumi Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar, Penaiktarafan Jalan Raya Industrial Link Road dari FEZ Taman Perindustrian Kota Kinabalu ke Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar, Pengindahan Persekitaran Pusat Bandaraya

Kota Kinabalu, Kajian Pembangunan Ekonomi di Sempadan Sabah, Malaysia, Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Pusat Sterilisasi Produk Eksport di Sabah Agro Industrial Precint (SAIP), Kajian Kebolehlaksanaan bagi Cadangan Pembangunan Semula Poring Hot Spring Ranau, Sabah dan Kajian Kebolehlaksanaan bagi Cadangan Pembangunan Semula Pelancongan Mesilau, Sabah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

39. Meskipun ekonomi negeri ini masih dibelenggu oleh persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu, namun negeri Sabah sekali lagi telah berjaya melakar sejarah apabila pungutan hasil pada tahun 2022 telah direkodkan mencecah RM6.960 bilion. Ini merupakan rekod pungutan hasil tertinggi selepas kejayaan signifikan yang dikecapi pada tahun 2021 dengan pungutan hasil sebanyak RM5.449 bilion iaitu dengan peningkatan sebanyak 28 peratus. Sekali lagi, syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bersama barisan Kabinet Negeri, anggota perkhidmatan awam serta semua pihak atas kejayaan cemerlang memperkukuh kutipan hasil negeri ini. Sungguhpun demikian, jentera pentadbiran negeri Sabah tidak boleh merasa selesa dengan kejayaan ini. Justeru, semua jabatan pemungut hasil negeri hendaklah melipatgandakan usaha ke arah pungutan hasil yang lebih tinggi pada tahun ini melalui penjanaaan hasil baharu yang inovatif.

40. Di bawah Pelan Pembangunan SMJ, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan meningkatkan hasil melalui kekuatan dan peluang yang ada dan pada masa yang sama mengelakkan ketirisan hasil dengan mengamalkan tadbir urus negeri yang baik. Perjanjian dengan Petronas: *Commercial Collaboration Agreement (CCA)* dimeterai yang berprinsipkan *Greater Say, Greater Participant, Greater Revenue*. Melalui kolaborasi ini, negeri Sabah akan mendapatkan perkongsian hasil, penyertaan dan

penguasaan yang lebih besar berkaitan minyak dan gas. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Sabah Energy Corporation (SEC) iaitu Syarikat Berkaitan Kerajaan Sabah telah menandatangani Perjanjian Bekalan Gas Asli dengan Petronas yang menjadikan SEC sebagai pembekal dan pengangkut gas asli domestik terbesar di negeri ini. Langkah ini akan membantu negeri Sabah untuk maju ke hadapan dalam meneroka potensi penuh rangkaian industri gas asli di negeri ini.

41. Strategi pemboleh daya polisi fiskal terus dikembangkan dengan peluasan skop percukaian produk petroleum kepada produk Petrochemical iaitu Ammonia dan Urea yang telah menyumbang hasil tambahan. Melalui inisiatif ini, royalti dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax/ SST*) daripada sektor minyak dan gas dijangka mencecah RM2.45 bilion setahun. Selanjutnya, Kerajaan Negeri melalui SMJ Sdn. Bhd. telah menandatangani Perjanjian Dasar Induk (*Heads of Agreement/ HoA*) bersama PETRONAS Chemicals Group Berhad bagi pengambilalihan 25 peratus kepentingan ekuiti dalam PETRONAS Chemicals Fertiliser Sabah Sdn. Bhd. (PC FSSB) yang akan membuahkan perkongsian keuntungan yang lebih besar kepada negeri Sabah dalam industri minyak dan gas di negeri ini.

42. Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa hak-hak negeri dalam tuntutan hasil serta keperluan dan kepentingan rakyat Sabah akan sentiasa diutamakan dan diperjuangkan melalui Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Pada bulan Disember 2022, kita menerima berita gembira apabila Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memindahkan kuasa kawal selia tenaga bekalan gas kepada Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Suruhanjaya Tenaga Sabah (*Energy Commission of Sabah/ ECoS*) telah ditubuhkan melalui Enakmen Bekalan Gas Sabah yang mula berkuat kuasa pada 10 Januari 2023.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

43. Pengurusan kewangan yang mantap merupakan matlamat utama Kerajaan Negeri dalam memastikan sumber kewangan adalah mencukupi dan diagihkan secara saksama. Ini bagi memastikan pelbagai aktiviti yang dirancang merentasi semua sektor dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien. Kerajaan Negeri sentiasa mengimprovisasikan strategi pengurusan kewangan dan belanjawan negeri dalam menghadapi sebarang ketidaktentuan persekitaran ekonomi global dan nasional. Sistem pengurusan belanjawan negeri akan terus ditambah baik menerusi penaiktarafan sistem belanjawan sedia ada dan inisiatif membangunkan sistem-sistem baharu yang dapat menyokong proses pengurusan belanjawan negeri selaras dengan pelan pendigitalan negeri. Misalnya, Sistem e-Emolumen telah dibangunkan bagi memudahkan pengemaskinian data dan maklumat sumber manusia dalam perkhidmatan awam negeri Sabah. Beberapa program pendigitalan lain turut dirancang bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan cekap seperti Sistem Belanjawan Pembangunan dan Sistem Pinjaman Kerajaan Negeri untuk memudahkan pemantauan dan pelaporan prestasi perbelanjaan secara atas talian. Di samping itu, Sistem Maklumat Ekonomi Dan Projek Pembangunan Negeri Sabah (SMEPPS) di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) juga sedang dibangunkan untuk pengurusan program dan projek pembangunan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Sabah.

44. Sebahagian hasil Kerajaan datanginya dari pelaburan dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC). Terimaan dividen pada tahun 2022 yang berjumlah RM152 juta menunjukkan peningkatan sebanyak 30 peratus berbanding tahun 2021 dengan kutipan sebanyak RM116.35 juta. Saya yakin angka ini boleh ditingkatkan lagi berdasarkan potensi sedia

ada. Saya menggesa agar semua ahli lembaga pengarah dan pengurusan GLC supaya melipatgandakan usaha, beramanah, berintegriti dan melaksanakan tadbir urus baik dalam syarikat. Ini bagi memastikan tujuan asal iaitu prinsip meningkatkan *shareholders wealth* berlaku dan dividen yang diberikan kepada pelabur iaitu Kerajaan Negeri dapat diberikan dengan angka yang sewajarnya.

45. Dalam konteks memperkasa peranan dan tanggungjawab serta meningkatkan prestasi badan berkanun dan agensi awam, adalah penting untuk memastikan setiap organisasi sentiasa berada dalam landasan yang betul ke arah mencapai objektif penubuhan dan menjana pulangan hasil kepada Kerajaan Negeri. Untuk itu, latihan dan kursus kepada Ahli Lembaga Pengarah akan dibuat secara berterusan sebagai salah satu usaha untuk memastikan badan berkanun dan agensi awam sentiasa relevan, berdaya maju dan mempunyai hala tuju ke arah merealisasikan dasar dan polisi kerajaan. Kerajaan Negeri akan terus memastikan penambahan ekuiti dalam pelaburan sektor-sektor berpotensi melalui agensi awam yang akan memberi pulangan serta hasil yang tinggi dalam bentuk dividen dan sumbangan sebagai pulangan kepada Kerajaan Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

46. Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas sokongan dan segala usaha yang dilakukan untuk memajukan negeri Sabah. Kerajaan Negeri menyambut baik Belanjawan 2023 bertemakan Membangun Malaysia MADANI yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24 Februari 2023. Negeri Sabah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM6.5 bilion iaitu 3.1 peratus lebih tinggi berbanding

peruntukan pembangunan yang telah dibentangkan dalam belanjawan asal oleh kerajaan sebelum ini. Sebagai tambahan, sebanyak RM2.5 bilion lagi diperuntukkan kepada negeri Sabah dan Sarawak bagi pelaksanaan projek prasarana awam seperti jalan raya, lampu jalan, bekalan elektrik dan air.

47. Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan dua belas ikhtiar Membangun Malaysia MADANI dalam Belanjawan 2023 yang turut merangkumi pelbagai manfaat kepada rakyat dan negeri Sabah. Antaranya, inisiatif untuk menyegerakan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak-Sabah Link Road sepanjang lebih 1,000km, membangun bandar-bandar sempadan dengan Kalimantan, Indonesia termasuk Kalabakan yang meliputi pembinaan kemudahan kastam, imigresen, keselamatan dan kuarantin (CIQS), memperbanyak kemudahan klinik, bank dan mahkamah bergerak di pedalaman Sabah, mengatasi masalah sekolah daif dan menghapuskan golongan miskin tegar menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

48. Kerajaan Negeri juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memutuskan penyerahan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk mengurus projek-projek pembangunan yang bernilai RM50 juta ke bawah. Saya yakin keputusan ini dapat membantu mempercepat dan merencanakan pembangunan di negeri ini. Penurunan kuasa untuk meluluskan projek kepada negeri Sabah akan dapat membantu Kerajaan Negeri untuk merancang projek-projek yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera demi kepentingan rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

49. Sebagai langkah ke hadapan, saya penuh yakin barisan Kabinet Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima

Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, akan terus meletakkan negeri ini di landasan yang tepat melalui pelaksanaan pelbagai usaha dan inisiatif pembangunan. Ini termasuk penerokaan secara agresif peluang-peluang perdagangan dan pelaburan berimpak tinggi bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri ini.

50. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kesepuluh. Saya berharap agar hubungan akrab yang telah terjalin erat di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dapat diperkukuhkan lagi demi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

51. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota perkhidmatan awam, pasukan keselamatan serta semua pihak yang telah menyumbang ke arah keamanan, pembangunan dan kemakmuran negeri serta kesejahteraan rakyat.

52. Akhirul kalam, saya menyeru semua pemimpin dan rakyat negeri ini untuk terus meningkatkan usaha dan bersatu padu bagi memajukan dan membangunkan negeri Sabah. Semoga Tuhan Yang Maha Esa sentiasa melimpahkan kurnia dan rahmatNya kepada kita semua serta melindungi negeri yang kita cintai ini agar terus maju dan makmur serta rakyatnya hidup dalam suasana aman, harmoni dan sejahtera.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.